

5. Pilih dan isi perkataan yang betul pada tempat kosong yang sesuai.

Contoh:



Adik bermain buih sabun di dalam bilik air.

buih	tapai	pisau	paip	kerbau	tupai
------	-------	-------	------	--------	-------

1.



Bapa potong daging guna _____ yang tajam.

2.



Sila tutup _____ air selepas digunakan.

3.



_____ meragut rumput di padang.

4.



Seekor _____ melompat di atas pokok.



6. Pilih dan tulis semula ayat yang sesuai berpandukan gambar.

Nyamuk membiak di dalam takungan air.


Ali mewarna menggunakan krayon.

Singa mengaum kelaparan.

Yati menyimpan duit syiling di dalam tabung.

Ahli pengakap bermalam di dalam khemah.

Contoh:



Ali mewarna menggunakan krayon.


1.



2.




3.



4.





7(a) Susun semula perkataan-perkataan supaya menjadi ayat yang betul.

pintu	.	kuat	menutup
	Aiman	dengan	

Contoh ayat: Aiman menutup pintu dengan kuat.

1.


patah	Raket	.	Misbun
	telah	badminton	abang

2.

membeli	pasar	belimbing	di
	buah	Emak	.

3.

baharu	.	Teropong	Ah Choi
	mahal	dan	



7(b) Bina ayat berpandukan gambar dan frasa yang diberi.

Contoh:



memberus gigi

Abu memberus gigi setiap hari.

1.




surat khabar


2.



pokok bunga



8. Baca petikan di bawah dan jawab soalan-soalan berikutnya.



Berkelah di Pantai Teluk Kemang, Port Dickson

Pada hari Sabtu yang lalu, Sani dan keluarga berkelah di Pantai Teluk Kemang, Port Dickson. Mereka ke sana menaiki kereta. Bekalan yang dibawa ialah nasi lemak dan ayam goreng. Abang membawa segulung tikar mengkuang manakala adik pula membawa pelampung. Mereka sekeluarga sungguh seronok berkelah bersama-sama.

Jawab soalan-soalan di bawah.

1. Bilakah mereka pergi berkelah?

2. Di manakah keluarga Sani berkelah?

3. Siapakah yang membawa pelampung?

4. Apakah aktiviti yang boleh dilakukan di pantai?

